


**UiTM SARAWAK
CELEBRATES SUCCESS
AT THE INVENTION,
INNOVATION AND
DESIGN COMPETITION,
2009**

PG. 22

PG. 7



**Majlis Perasmian Masjid
Al Qarrawiyyin Oleh YAB
Pehin Sri Ketua Menteri**

PG. 10



**Forum Pasca Pilihan Raya
ke 12**

■ **UiTM Sarawak
Conference** PG. 4
2008

■ **Diploma Show:
Pelajar Grafik**
PG. 34

■ **UiTM Sarawak At
The International
Level** PG. 40

Pertandingan Golf antara UiTM Sarawak, UNIMAS & Yayasan Sarawak



Prof. Mohd. Shafiq Abdullah muncul juara kejohanan Golf Integrasi Ilmu Sarawak 2009 (GIIS) yang diadakan di Sarawak Club Golf and Resort, Samarahan baru-baru ini. Prof. Mohd. Shafiq yang mewakili Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berjaya membuat 69 pukulan keseluruhan mengatasi wakil Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak, Dr. Firdaus Abdullah yang turut membuat 69 pukulan untuk menduduki tempat kedua. Tempat ketiga menjadi milik satu-satunya pemain wanita dalam kejohanan tersebut, Dr. Delsye Teo yang mewakili UNIMAS apabila membuat 70 pukulan.

Bagi kategori pasukan, Yayasan Sarawak mengungguli kejohanan tersebut apabila muncul juara keseluruhan. Pasukan Yayasan Sarawak yang dibarisi Datuk Morshidi Ghani, Datu Haji Razak Tready, Datu Haji Abdul Rashid Aziz, Datu Dr. Hatta Haji Solhee, Datu Haji Sapuan Anu, Datu Haji Hamzah Abdul Rahman, Mohd Abu Bakar Marzuki, Bakri Zaini, Samat Junai, Bong Hatta Marzuki, Haji Soedirman Aini dan Hussain Taiban berjaya membuat pukulan terendah.

Pasukan UNIMAS pula ditempatkan kedua menerusi gandingan Tan Sri Haji Hamid Bugo, Prof. Dr. Peter Songan, Prof. Tin Win, Prof. Mohd Shafiq Abdullah, Prof. Lau Seng, Prof. Wan Sulaiman, Prof. Mustafa Abdul Rahman, Prof. Madya Khairul Aidil, Dr. Delsye Teo, Sukiman Aini, Abang Azahari Osman dan Haji Safri Sharkawi.

Manakala UiTM Sarawak yang membariskan pasukannya yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Jamil Haji Hamali, Prof Madya Dr. Worrar Kabul, Prof. Madya Wajidi Kerni, Prof. Madya Dr. Mohd Rashidee Alwi, Dr. Firdaus Abdullah, Mohd Sani Abdul Razak, Hyginus Kevin, Ali Kimik, Ahid Bohri, William Duncan, William Juah dan Ishak Johdi di tempat ketiga.

Kejohanan tahunan yang membabitkan tiga pasukan iaitu UiTM Sarawak, UNIMAS dan Yayasan Sarawak yang bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim di kalangan pasukan yang bertanding terutama ahli akademik dan alumni. Ia dianjurkan bersama oleh ketiga-tiga pasukan menerusi gandingan Prof Lau Seng yang mewakili UNIMAS, Dr. Firdaus Abdullah (UiTM Sarawak) dan Encik Samat Junai (Yayasan Sarawak).

Sementara itu, Prof Lau Seng berkata, pihaknya bercadang untuk mengembangkan lagi kejohanan tersebut pada masa akan datang kepada semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terdapat di Sarawak dan juga di Borneo.

"Kita akan cuba mengembangkan lagi kejohanan ini dengan membuka penyertaan kepada semua IPT yang ada di Sarawak dan pada masa yang sama cuba membawa penyertaan daripada seluruh kepulauan Borneo," ujarnya.



Universiti Teknologi MARA Sarawak,
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan.
Peti Surat 1258, 93912 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel: 082-677 200 Faks: 082-677 300

<http://www.sarawak.uitm.edu.my>



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK